

Baiki perkhidmatan telekomunikasi — PM

UM 11 FEB 2003

Oleh FARIDAH HITAM dan MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 10 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu Telekom Malaysia dan syarikat telekomunikasi lain berusaha memperbaiki tahap perkhidmatan mereka dengan memberi liputan menyeluruh ke segenap pelosok negara termasuk di kawasan berbukit.

Perdana Menteri kurang berpuas hati kerana masih ada tempat dalam negara ini yang para penduduknya tidak dapat menggunakan telefon bimbit kerana kawasan mereka tidak diliputi dengan baik.

Beliau berkata, keadaan yang berlaku itu tidak memberi gambaran yang baik kepada keupayaan teknologi komunikasi yang telah dicapai oleh negara setakat ini.

“Orang ramai masih bersungut mengenai khidmat telekomunikasi antaranya banyak tempat tidak dapat menggunakan telefon bimbit kerana tidak diliputi. Ini tidak memberi gambaran yang baik kepada keupayaan teknologi kita.

“Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian supaya di mana juga kita berada walaupun di kaki bukit yang tinggi, kita masih dapat menggunakan telefon bimbit. Ini bukanlah sesuatu yang mustahil,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Menara Telekom, ibu pejabat korporat baru Telekom Malaysia yang menjadi mercu tanda terbaru ibu kota di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Tenaga Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, Pengerusi Telekom Malaysia, Tan Sri Ir. Md. Radzi Mansor dan Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Dr. Md. Khir Abdul Rahman.

Dalam ucapannya itu juga, Dr. Mahathir sekali lagi menggesa syarikat-syarikat telekomunikasi supaya berkongsi menara pemancar.

Menurut beliau, langkah itu akan dapat mengurangkan perbelanjaan syarikat membina menara masing-masing dan pada masa yang sama mengindahkan pemandangan bandar raya.

“Saya harap hanya satu menara sahaja dibangunkan di suatu tempat dan semua pihak menyewa di situ, bukan setiap syarikat telekomunikasi membina menara pemancar masing-masing.

“Inilah harapan kerajaan. Kita telah mendesak beberapa kali tetapi nampaknya syarikat-syarikat telekomunikasi masih lagi tidak ada satu ikatan yang efisien dan menguntungkan untuk membangunkan

hanya satu bangunan yang dikongsi bersama,” tegasnya.

Sementara itu, Menara 77 tingkat setinggi 310 meter yang berkonsepkan Pucuk Rebung karya agung seniman Latiff Mohidin itu menyediakan ruang pejabat seluas 85,000 meter persegi dan mampu menempatkan hampir 6,000 pekerja.

Dilengkapi dengan pelbagai ciri moden dan canggih, bangunan pintar ini menggunakan Sistem Pengurusan Bersepadu (IBMS) yang dibangunkan sendiri oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Telekom Malaysia.

Antara ciri istimewa menara itu ialah 22 taman angkasa yang terletak di setiap selang tiga tingkat bangunan telah memberi persekitaran kerja yang selesa dan nyaman serta pemandangan menyegarkan kepada penghuninya.

Perdana Menteri berharap dengan keadaan persekitaran kerja yang lebih selesa di Menara Telekom, syarikat itu dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada pelanggannya.

Beliau percaya ia juga dapat menolong menambah pendapatan Telekom Malaysia melalui penyewaan ruang pejabatnya.

Perdana Menteri berbangga kerana keputusan kerajaan menswastakan syarikat telekomunikasi tersebut telah mem-

bolehkan pekerja Telekom Malaysia mendapat manfaat dari aspek gaji yang lebih menarik dan kesesuaian tempat kerja.

Tambahnya, kejayaan Telekom Malaysia mencatat keuntungan hampir RM1 bilion setahun hingga menjadi penyumbang tetap cukai kerajaan, membuktikan penswastakan masih lagi pendekatan yang baik untuk mempercepatkan proses memajukan negara.

Terdahulu Md. Radzi berkata, Menara Telekom akan menjadi lambang keazaman Telekom Malaysia untuk terus menyumbang kepada industri komunikasi negara dalam satu era dan dimensi baru ke arah mencapai aspirasi wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Menara Telekom juga dibuka untuk disewa kepada syarikat lain dari tingkat 30 hingga 49, dengan kadar RM3.50 satu kaki persegi.

Buat masa ini, tiga buah syarikat, iaitu Daimler Crysler, pembuat kereta mewah dan Hapag-Lloyd, syarikat perkapalan antarabangsa, serta bahagian Teknologi Maklumat (IT) Tenaga Nasional berkongsi menyewa ruang pejabat di bangunan tersebut.